Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

MIMBAR NAKHODA

BIL: 6/1 SYAABAN 1435H/30 MEI 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

PERISTIWA ISRA DAN MIKRAJ


Hadhrat Imam Bukhari dan Imam Muslim Rahmatullah ‘Alaihima telah meriwayatkan di dalam Kitab Shahih mereka dengan sanadnya daripada Hadhrat Anas Ibni Malik Radhiyallahu ‘Anhu berkata, bahawa Hadhrat Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah bersabda:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِك أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أُتِيْتُ بِالْبُرَاقِ (وَهُوَ دَابَّةٌ أَبْيَض طَوِيْلٌ فَوْقَ الْحِمَارِ وَدُوْنَ الْبَغَلِ. يَضَعُ حَافِرَهُ عِنْدَ مُنْتَهَى طَرْفِهِ) قَالَ، فَرَكِبْتُهُ حَتَّى أَتَيْتُ بَيْتَ الْمَقْدِسِ. قَالَ، فَرَبَطْتُهُ بِالْحَلْقَةِ الَّتِى يَرْبِطُ بِهِ الأَنْبِيَاءُ. ثُمَّ دَخَلْتُ الْمَسْجِدَ فَصَلَّيْتُ فِيْهِ رَكْعَتَيْنِ. ثُمَّ خَرَجْتُ. فَجَاءَنِى جِبْرِيْلُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ بِإِنَاءٍ مِنْ خَمْرٍ وَإِنَاءٍ مِنْ لَبَنٍ. فَاخْتَرْتُ اَللَّبَنَ. فَقَالَ جِبْرِيْلُ: اِخْتَرْتَ الْفِطْرَةَ. (صحيح مسلم – باب الإسراء برسول الله السموات وفرض الصلوات، 170/2 برقم: 356)

“Daku telah didatangkan dengan seekor Buraq,” (Dan ia adalah seekor haiwan yang putih, panjang, lebih besar dari seekor keldai dan kecil dari seekor baghal, yang meletakkan langkahannya sehingga ke akhir pandangannya) lalu berkata: “Maka daku menaikinya sehingga daku telah mendatangi ke Baitul-Maqdis”, lalu berkata, “Kemudian daku mengikatkannya dengan dengan gelungan tali yang mana Para Anbiya mengikatkan dengannya. Kemudian daku telah masuk ke Masjid lalu daku bersembahyang di dalamnya sebanyak dua rakaat. Kemudian daku telah keluar. Maka datanglah Jibril ‘Alaihissalam dengan sebuah bekas berisi arak dan sebuah bekas berisi susu. Maka daku telah memilih susu. Justeru, Jibril telah berkata, “Kamu telah memilih yang fitrah.” [Shahih Muslim – Bab Isra Rasulullah ke Langit]

PENGAJARAN HADITS

Sesungguhnya peristiwa kejadian Isra Mi’raj adalah termasuk dalam perkara Iman yang Ummat Islam dituntut mempercayainya kerana Firman Allah pada ayat 1 dan ayat 60 Surah Al-Isra serta ayat 1-18 Surah An-Najm telah menyatakan berkenaan peristiwa Isra dan Mi’raj, maka sesiapa yang menolak kebenaran peristiwa Isra dan Mi’raj bererti menolak kebenaran Al-Quran, dan orang yang menolak Al-Quran adalah terkeluar dari Agama Islam. Baginda Nabi telah dibawa menaiki seekor Buraq berwarna putih yang pantas langkahan kakinya dari Makkah ke Baitul-Maqdis di Palestin dan Baginda Nabi telah bersolat dua rakaat di dalam Masjid Al-Aqsa bersama dengan sekalian Para Anbiya. Sebelum masuk ke dalam masjid, Baginda telah mengikatkan kenderaannya di tempat Para Anbiya mengikatkan kenderaan mereka, bermaksud bahawa Baginda mengambil tindakan berikhtiar lalu bertawakkal. Baginda telah diberikan pilihan oleh Malaikat Jibril sama ada hendak memilih minuman arak atau susu? Baginda telah memilih susu kerana ia adalah minuman fitrah yang diperlukan oleh setiap manusia semenjak kecil sehinggalah dewasa.



Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kg. Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

CIRI-CIRI GOLONGAN KHAWARIJ

Golongan Al-Khawarij adalah golongan Ahli Ibadat yang jahil, kemudian mengkafirkan Ummat Islam yang lain, lalu sibuk memerangi orang-orang Islam tetapi tidak bermusuhan dengan golongan Kuffar, sebagaimana yang dijelaskan oleh Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam antara ciri-ciri golongan Khawarij adalah:

يَقْتُلُوْنَ أَهْلَ الإِسْلَامِ وَيَدَعُوْنَ أَهْلَ الأَوْثَانِ – (متفق عليه)

"Mereka membunuh orang-orang Islam dan meninggalkan perang dengan penyembah berhala." [Bukhari: 3344/Muslim: 1064]

Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani berkata, "Golongan Khawarij itu apabila mereka menghukum dengan kekufuran ke atas sesiapa yang bertentangan dengan mereka dari kalangan Ummat islam, maka mereka menghalalkan darah-darah mereka dan meninggalkan pertentangan dengan Kafir Zimmi dengan berkata: "Kita memenuhi janji kita dengan mereka yang Kafir," dan mereka akhirnya meninggalkan peperangan dengan orang-orang Musyrik dan sibuk berperang dengan orang-orang Islam, maka ini semua adalah kesan daripada Ahli-ahli Ibadah yang jahil."

TOKOH ISLAM

SALMAN AL-FARISI

Hadhrat Salman Al-Farisi adalah seorang yang berbangsa Parsi dan nama gelarannya ialah Abu 'Abdullah dan tergolong dalam jemaah Ashab Shuffah. Beliau pada asalnya beragama Majusi dan pernah memeluk agama Nashrani dan Yahudi. Setelah memeluk Agama Islam, beliau telah dipersaudarakan dengan Abu Dzar Al-Ghiffari yang juga adalah seorang dari Ahli Shuffah.

Beliau adalah seorang yang amat Tawadhu merendahkan diri, bijak, tegas, berani, adil, wara', zuhud dan kuat keyakinannya terhadap ajaran Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam sehingga telah diisytiharkan sebagai Ahli Bait oleh Baginda.

Beliau telah memberi sumbangan yang besar terhadap kekuatan Agama Islam, antaranya ialah memberikan cadangan kepada Rasulullah untuk menggali parit di sekeliling Madinah ketika berlaku Perang Khandaq bagi mempertahankan kotanya. Ketika beliau sedang menggali parit, beliau telah berhadapan dengan sebuah batu besar yang tidak dapat dipecahkannya, lalu Baginda Rasulullah telah datang untuk memecahkannya dengan kapak. Pukulan pertama mengeluarkan suatu kilauan, pukulan kedua mengeluarkan kilauan kedua dan pukulan ketiga telah mengeluarkan kilauan ketiga.

Lalu Rasulullah bertanya kepada Salman, "Wahai Salman, apakah kamu lihat kilauan-kilauan itu?" Dia menjawab, "Ya Rasulullah, sesungguhnya daku telah melihatnya." Baginda bersabda, "Pada kilauan pertama, daku diperlihatkan bahawa Allah telah membuka kemenangan Yaman untukku, pada kilauan kedua Allah telah membuka Syam dan Negara-negara Barat, dengan kilauan yang ketiga Allah telah membukakan bagiku Negara-negara Timur."

Ketika waktu malam tiba beliau akan mula sibuk bersolat, jika keletihan beliau akan mula berzikir secara lidah lisan, dan apabila lidahnya mula keletihan dia akan duduk bermuraqabah dan memikiri kekuasaan Allah dalam sekalian ciptaanNya. Salman Al-Farisi telah dilantik sebagai gabenor di Madain dan wafat pada 15 Rejab 33H semasa kekhalifahan 'Utsman Ibni 'Affan dan dikebumikan di sana ketika berusia 250 tahun. Banyak Hadits Nabawi yang telah diriwayatkan oleh beliau. Antara murid beliau yang unggul dari kalangan Tabi'in adalah Imam Abu 'Abdur Rahman Qasim Ibni Muhammad Ibni Abu Bakar Ash-Shiddiq dan Abu Halim Habib Ibni Aslam Ar-Rayi.

الفقه

الطهارة (برسوچي)

طهارة ڤد شرع تربهاݢي كڤد دا ڤركارا:

1) الطهارة من النجاسة – سوچي درڤد نجيس يائت سوچي بادن، تمڤت دان ڤكاين درى سموا نجيس.

2) الطهارة من الحدث – سوچي درڤد حدث يائت حدث كچيل دان حدث بسر، سوچي حدث كچيل دڠن بروضؤ اتو برتيمم دان سوچي حدث بسر دڠن مندى اتو برتيمم.

النجاسات (بارڠ-بارڠ يڠ نجيس)

1) داره. **2)** مونته. **3)** أرق. **4)** نانه. **5)** سموا بارڠ يڠ كلوار درى دوا جالن يائت قُبُل دان دُبُر سلائين مَنِي.

6) بڠكاي، سموا بهاݢينڽ سڤرتي كوليت، رمبوت، تولڠ سلائين مأنسى انق آدم، ايكن دان بلالڠ. **7)** سوسو حيوان يڠ هيدوڤ يڠ حرام دماكن داݢيڠڽ سلائين سوسو انق آدم.

8) بهاݢين يڠ ترڤيسه درى حيوان يڠ هيدوڤ سلائين اصل درى انق آدم، ايكن دان بلالڠ.

الوضوء (برسيه)

وضوء ڤد لغة برارتي برسيه دان اينده. وضوء ڤد شرع ارتيڽ ممبرسيهكن اڠݢوت وضوء انتوق مڠهيلڠكن حدث كچيل. فرمان الله فد آية 6 سورة المائدة:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قُمۡتُمۡ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغۡسِلُواْ وُجُوهَكُمۡ وَأَيۡدِيَكُمۡ إِلَى ٱلۡمَرَافِقِ وَٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ وَأَرۡجُلَكُمۡ إِلَى ٱلۡكَعۡبَيۡنِۚ - ارتيڽ: **وهى اورڠ-اورڠ يڠ برايمان، اڤبيلا كامو هندق برديري كڤد مڠرجاكن صلاة مك باسوهله وجه-وجه كامو دان كدوا-دوا تاڠنمو هيڠݢا كدوا سيكو دان ساڤوله ڤد كڤلامو دان كمودين باسوهله كدوا-دوا كاكيمو هيڠݢا كدوا مات كاكي.**

FADHILAT MAJLIS 'ILMU

Allah Ta'ala berfirman pada ayat 11 Al-Mujadilah,

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قِيلَ لَكُمۡ تَفَسَّحُواْ فِي ٱلۡمَجَٰلِسِ فَٱفۡسَحُواْ يَفۡسَحِ ٱللَّهُ لَكُمۡۖ وَإِذَا قِيلَ ٱنشُزُواْ فَٱنشُزُواْ يَرۡفَعِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡ وَٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ دَرَجَٰتٖۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ۝

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu untuk orang lain maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan segala halnya untuk kamu, dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama dari kalangan kamu beberapa darjat, dan Allah Maha Mendalam pengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan."

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda, "Dunia itu terkutuk dan segala isinya juga terkutuk kecuali Zikir dan Taat kepada Allah Ta'ala, orang 'Alim dan penuntut 'Ilmu." Dalam mafhum sebuah Hadits ada dinyatakan bahawa barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah menjadi orang baik maka Dia akan menjadikan orang itu Faqih dan memahami dalam ilmu pengetahuan dan urusan-urusan pengamalan Syari'at Agama Islam.